



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

[Utama](#) [Arkib](#) [2018](#) [Petikan Akhbar](#) [Berita Harian - Bajet 2019 Dijangka Kekal Tumpu Pengukuhan Fiskal](#)

Berita Harian - Bajet 2019 Dijangka Kekal Tumpu Pengukuhan Fiskal

🕒 Khamis, Okt 04 2018



Bajet 2019 dijangka kekal tumpu pengukuhan fiskal

➔ Kerajaan bakal laksana langkah rangsang pelaburan, pertumbuhan ekonomi negara

BH 4/10/18

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@nstp.com.my

Bajet 2019 yang akan dibentangkan pada 2 November ini dijangka terus menumpukan kepada pengukuhan fiskal dan hutang negara dengan sebahagian besar saiz defisit belanjawan bergantung

kepada pendapatan terkumpul Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).

Antara perkara yang dijangka mempengaruhi belanjawan negara untuk tahun hadapan adalah nilai pengembalian Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST); kredit cukai input; cukai pendapatan dan Cukai Keuntungan Harta Tanah (RPGT); pengewangan aset; pendapatan minyak mentah dan tahap pemotongan dalam perbelanjaan.

Tumpu golongan sasaran

Ahli Ekonomi Kanan United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (UOB Malaysia), Julia Goh, berkata bantuan tunai dan subsidi bahan api juga berkemungkinan dikaji semula bagi menjadikannya lebih tertumpu kepada golongan sasaran.

Julia berkata, pihaknya tidak

menjangkakan sebarang pelarasan dalam kadar cukai pendapatan korporat dan individu tetapi tidak menolak kemungkinan terdapat penyelarasan terhadap cukai baharu seperti cukai ekonomi digital.

"Tetapi kami jangka sebahagian besar pembentangan bajet akan tertumpu kepada langkah mengurangkan perbelanjaan tidak produktif.

"Memandangkan risiko berlarutan pada peringkat global dan terdapat isyarat ekonomi domestik berada pada tahap sederhana, kami meramalkan kerajaan Pakatan Harapan akan mengumumkan langkah bagi merangsang pelaburan dan pertumbuhan ekonomi negara.

"Ini termasuk inisiatif pemberian insentif kepada sektor automasi dan pemodenan, Industri 4.0 dan nilai tambah yang lebih tinggi. Bidang tumpuan mung-

kin kepada sektor perumahan, automotif, pengangkutan, pelancongan, e-dagang dan tenaga boleh diperbaharui," katanya dalam satu nota penyelidikan ekonomi dan pasaran global UOB.

Penyusunan semula hutang negara

Julia berkata, pihaknya mengunjurkan defisit fiskal pada kadar 3.0 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berbanding anggaran pada 2.8 peratus untuk 2018).

Beliau berkata, ini didasarkan kepada pertumbuhan KDNK sebenar sebanyak 4.8 peratus pada 2018 hingga 2019.

"Langkah penyusunan semula keseluruhan hutang negara dan mengurangkan saiz liabiliti luar jangka akan menjadikan ringgit kembali ke tahap positif," katanya.



Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro

e-Penyertaan & Maklumbalas

Statistik & Prestasi

Pautan

Agensi

Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **14 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**